

Contohi tokoh ilmuan Islam lampau - Abdullah

ia boleh dilaksanakan dengan menguasai ilmu pengetahuan seperti dilakukan tokoh-tokoh ilmuan berkenaan semasa zaman kegemilangan empayar Islam

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Oleh **ROZILAN SALLEH**
dan **NOR AZIAH JAAFAR**

KEPALA BATAS 9 Okt-Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu umat Islam mengambil iktibar daripada kegemilangan tokoh-tokoh ilmuan Islam terdahulu bagi memaju dan memakmurkan negara.

Perdana Menteri berkata, ia boleh dilaksanakan dengan menguasai ilmu pengetahuan seperti dilakukan tokoh-tokoh ilmuan berkenaan semasa zaman kegemilangan empayar Islam.

"Kalau kita mahu kembali ke zaman itu, kita tidak boleh kembali lagi, yang lepas tetap lepas,

"Tetapi kalau kita hendak ambil iktibar, maka penting kita zaman sekarang melaksanakan tanggungjawab dengan bersungguh-sungguh menuntut ilmu pengetahuan bagi memajukan ummah, bangsa, penduduk pelbagai kaum dan agama di Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berucap pada majlis berbuka puasa dan sambutan Nuzul Quran di Masjid Al-Jamiul Badawi di sini malam ini.

Turut hadir Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas; Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Menurut Abdullah, ketika zaman kegemilangan Islam, ramai tokoh dan cende-

kiawan dalam pelbagai bidang dilahirkan termasuk ilmu falak, saintis, ahli teknologi dan matematik sehingga menjadi rujukan pelbagai bangsa termasuk bukan Islam dari Eropah.

Selaras dengan itu, beliau berkata, menjadi hasrat kerajaan meningkatkan modal insan di kalangan rakyat melalui ilmu pengetahuan bagi menjana Pembangunan negara.

Katanya, umat Islam boleh menjadi bangsa yang maju dan berjaya sekiranya berusaha bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu berlandaskan prinsip Islam Hadhari.

Terdahulu pada sebelah petang, Abdullah mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Negeri di Bangunan UMNO Bahagian Kepala Batas.

Abdullah kemudiannya menyertai majlis tahlil untuk isterinya, Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood sebelum berbuka puasa.

Mengakhiri program hari ini, Perdana Menteri menghadiri majlis Program Rahmat Ramadan dan Bersahur Perdana di Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti Kepala Batas di sini.

Di majlis itu, beliau menyampaikan replika cek RM786,000 hasil kutipan Malam Titian Kasih yang diadakan pada 13 Oktober lalu kepada Pengerusi Lembaga Pelawat rumah berkenaan, Azman Ahmad.

Perdana Menteri turut menghulurkan sumbangan Hari Raya kepada 106 penghuni rumah berkenaan.